

**APPLICATION OF ALTERNATIVE PUNISHMENTS FOR LGBT OFFENSES IN THE SYARIAH COURT**

**APLIKASI HUKUMAN BERBENTUK ALTERNATIF BAGI KESALAHAN  
LGBT DI MAHKAMAH SYARIAH**

Rabiatul Adawiyah Hanaffy <sup>i</sup>, Mohamad Azhan Yahya <sup>ii</sup>, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif <sup>iii</sup>,  
Ahmad Azam Mohd Shariff <sup>iv</sup>, Mohamad Rizal Abd Rahman <sup>v</sup> & Mohamad Afandi Md Ismail <sup>vi</sup>

<sup>i</sup> Prasiswazah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. A188630@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. azhan@ukm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. izzatamsyar@ukm.edu.my

<sup>iv</sup> Profesor Madya, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. aazam@ukm.edu.my

<sup>v</sup> Profesor Madya, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. noryn@ukm.edu.my

<sup>vi</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. mohamadafandi@uitm.edu.my

*Article Progress*

Received: 6 June 2025

Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

**Abstract**

*The phenomenon of LGBT is increasingly prevalent in Malaysia, becoming a significant aspect of the social structure and raising concerns within the community. Statistics have shown a notable rise in the number of LGBT individuals in Malaysia. This study examines the application of alternative punishments for LGBT-related offenses in the Syariah Courts as a means to reduce the growing number of such cases. Through a legal, qualitative, and critical analysis approach, this research investigates statutes, cases, and comparisons with Civil Courts as well as other countries regarding alternative punishments. Despite various external efforts by bodies and NGOs, the legal application to address this issue has not received the necessary attention. Therefore, this study comprehensively examines the mechanisms of alternative punishments that can be utilized within the Malaysian Syariah legal system. The research aims to assist lawmakers and authorities in developing more effective methods to address LGBT issues. Furthermore, the purpose of this study is to strengthen the legal framework by incorporating alternative punishments that are not only fair and humane but also in accordance with Islamic teachings and the needs of modern society. It is hoped that this will lead to a holistic approach that not only curbs the increase in LGBT cases but also provides an opportunity for the individuals involved to undergo a constructive and inclusive rehabilitation process.*

*Keywords:* Alternative Punishment, Syariah Court, LGBT Offenses, Social Rehabilitation, Syariah Criminal Law.

**Abstrak**

*Fenomena LGBT semakin meningkat di Malaysia dan menjadi sebahagian daripada struktur sosial yang menimbulkan keimbangan masyarakat. Statistik telah menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah anggota LGBT di Malaysia. Di dalam*

	<p><i>kajian ini penelitian dibuat kepada pengaplikasian hukuman alternatif bagi kesalahan LGBT di Mahkamah Syariah dalam ingin mengurangkan kes-kes berkaitan LGBT yang makin giat ini. Melalui pendekatan perundangan, kualitatif dan analisis kritikal, kajian ini mengkaji statut, kes dan perbandingan dengan Mahkamah Sivil serta negara luar berkenaan hukuman alternatif. Walaupun pelbagai badan dan NGO telah melakukan usaha luaran, pengaplikasian undang-undang untuk menangani isu ini masih tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, kajian ini mengkaji secara menyeluruh mekanisme hukuman alternatif yang boleh digunakan dalam sistem perundangan Syariah Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat membantu penggubal undang-undang dan pihak berkuasa membangunkan kaedah yang lebih berkesan untuk menangani isu LGBT. Tambahan pula, tujuan kajian ini adalah untuk memperkuatkan kerangka perundangan dengan memperkuatkan hukuman alternatif yang bukan sahaja adil dan berperikemanusiaan tetapi juga selaras dengan ajaran Islam dan keperluan masyarakat moden. Diharapkan dengan ini akan wujud satu pendekatan holistik yang bukan sahaja akan menghentikan lebih banyak kes LGBT tetapi juga akan memberikan peluang kepada individu yang terlibat untuk menjalani proses pemulihan yang konstruktif dan inklusif.</i></p> <p><i>Kata Kunci:</i> Hukuman Alternatif, Mahkamah Syariah, Kesalahan LGBT, Pemulihan Sosial, Jenayah Syariah</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di Malaysia semakin mendapat perhatian serius, malah dilihat mencabar nilai agama dan struktur sosial negara. Statistik daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menunjukkan peningkatan mendadak dalam bilangan individu yang dikenal pasti sebagai gay daripada 173,000 pada tahun 2013 kepada 310,000 pada tahun 2018, manakala golongan transgender pula direkodkan seramai 30,000 individu pada tahun yang sama. Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Siti Zailah, terdapat 290 kes jenayah seks luar tabii melibatkan golongan LGBT antara tahun 2019 hingga November 2021, dengan 208 daripadanya melibatkan mangsa bawah umur 16 tahun (Anon, 2021). Ketua Polis Kelantan turut melaporkan sebanyak 8 kes liwat direkodkan pada 2022 dan 7 kes pada 2023, yang hanya mencerminkan situasi di peringkat negeri (Anon, 2024). Walaupun peruntukan undang-undang syariah menetapkan hukuman ke atas kesalahan liwat, musahaqah dan penyerupaan jantina, trend semasa menunjukkan peningkatan kes dan keterbukaan pelaku dalam memamerkan gaya hidup ini secara terbuka, terutamanya di media sosial.

Sehubungan itu, pelbagai pendekatan alternatif telah dirangka oleh pihak berkuasa agama dalam usaha memulihkan dan mendidik golongan ini secara lebih berhemah. Antaranya ialah program pemulihan yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Al-Riqab dan Unit Prihatin, selaras dengan peruntukan Perkara 7(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Program seperti ziarah komuniti, Kembara Mahabbah, kelas bimbingan agama, serta bantuan kebajikan dijalankan secara berterusan bagi memupuk kesedaran dan mendekati golongan LGBT dengan pendekatan dakwah berhikmah (Siti Solehah et al., 2021). Di peringkat persekutuan pula, kerajaan menubuhkan Task Force khas yang selari dengan Pelan Tindakan Sosial Islam di bawah JAKIM, bagi mengukuhkan penguatkuasaan dan mencadangkan pindaan terhadap undang-undang sedia ada termasuk Akta Tatacara Jenayah Syariah 1997 [Akta 560], serta merangka SOP khusus bagi menangani promosi gaya hidup LGBT di media digital (Samadi Ahmad, 2021).

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan, isu ini masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan yang ketara. Maka, keperluan terhadap pendekatan yang lebih menyeluruh dan berkesan dalam menangani fenomena LGBT amat mendesak. Hukuman bersifat alternatif yang menekankan aspek pendidikan, pemulihan rohani, dan pembangunan psikososial wajar diberi perhatian dalam sistem kehakiman syariah. Kajian ini akan meneliti keperluan, justifikasi dan bentuk pelaksanaan hukuman alternatif bagi kesalahan LGBT di Mahkamah Syariah, sejajar dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan pemeliharaan agama, akal, dan keturunan secara holistik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perundangan (legal research) dan kualitatif bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan (Kamel, Adibah & Azhan, 2021). Kajian perundangan dijalankan bagi menganalisis peruntukan undang-undang syariah dan undang-undang sivil yang berkaitan dengan kesalahan LGBT di Malaysia, termasuk hukuman yang diperuntukkan di bawah enakmen jenayah syariah negeri-negeri serta akta-akta peringkat persekutuan yang relevan. Di samping itu, analisis turut dibuat terhadap kes-kes mahkamah dan keputusan kehakiman berkaitan, bagi menilai aplikasi dan keberkesanan hukuman sedia ada. Pendekatan ini penting bagi memahami kerangka perundangan yang mengawal isu LGBT dari perspektif undang-undang Islam dan sivil.

Pengumpulan data dilakukan melalui kajian kualitatif secara kepustakaan. Sumber primer kajian ini merangkumi statut dan enakmen berkaitan, kes-kes mahkamah, serta penyata rasmi Parlimen (Hansard). Manakala sumber sekunder terdiri daripada buku ilmiah, artikel jurnal, tesis, laporan berita, dan bahan akademik lain yang relevan. Kajian turut melibatkan analisis jurnal dari luar negara yang membincangkan pelaksanaan hukuman alternatif terhadap pesalah LGBT. Proses pengumpulan data dilakukan secara fizikal di perpustakaan seperti Perpustakaan Undang-Undang UKM dan Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), serta secara dalam talian melalui portal seperti LexisNexis, ResearchGate, dan e-jurnal PTS. Selain itu, laman web rasmi kerajaan negeri juga dirujuk untuk mendapatkan enakmen syariah yang terkini.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan dua pendekatan utama, iaitu pendekatan perbandingan dan pendekatan analisis kritis. Pendekatan perbandingan digunakan untuk menilai perbezaan dan persamaan antara hukuman alternatif dalam undang-undang syariah, undang-undang sivil dan juga sistem perundangan negara luar, bagi menilai kesesuaian dan keberkesanannya. Pendekatan analisis kritis pula diaplikasikan untuk menilai kekuatan dan kelemahan sistem hukuman sedia ada, sekali gus merumuskan cadangan penambahan yang boleh ditawarkan kepada sistem kehakiman Syariah di Malaysia. Melalui kaedah ini, kajian dapat memberikan justifikasi terhadap keperluan dan bentuk pelaksanaan hukuman alternatif yang lebih berkesan dan berperikemanusiaan terhadap pesalah LGBT dalam kerangka maqasid syariah.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Prinsip Syariah**

Perbuatan LGBT telah disebut secara jelas dalam Al-Quran sebagai satu bentuk perlakuan yang menyimpang daripada fitrah kejadian manusia. Dalam Surah Al-A'raaf ayat 80 hingga 81, Allah mengisahkan tentang Nabi Lut yang mempersoalkan perbuatan keji kaumnya yang melakukan hubungan sejenis, satu perlakuan yang tidak pernah dilakukan oleh umat terdahulu dan dianggap melampaui batas. Perbuatan ini turut disebut dalam Surah Al-'Ankabut ayat 28 dan Surah An-Naml ayat 54, yang memperincikan kecaman terhadap tindakan menyukai sesama jantina. Kaum Nabi Lut akhirnya ditimpa azab yang dahsyat seperti gempa bumi, angin kencang dan hujan batu, menggambarkan kemurkaan Allah terhadap perlakuan tersebut. Peristiwa ini menjadi asas penting dalam menilai kedudukan perbuatan LGBT menurut hukum syarak.

Selain itu, ulama kontemporari seperti Prof Dr Wahbah Az-Zuhaili telah mengidentifikasi tiga istilah yang sering dikaitkan dengan perlakuan LGBT, iaitu zina, liwat, dan sihaq. Zina merujuk

kepada hubungan intim antara lelaki dan wanita tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Liwat pula merujuk kepada hubungan seksual sesama lelaki, manakala sihaq merujuk kepada hubungan seksual sesama wanita. Ketiga-tiga bentuk hubungan ini, menurut beliau, adalah dilarang dan tergolong dalam kategori dosa besar dalam Islam kerana ia melanggar prinsip-prinsip asas syariah dan moral manusia.

Walaupun Al-Quran menyebut dengan jelas larangan terhadap perbuatan LGBT, tiada hukuman tertentu yang disebut secara terperinci. Maka, pendekatan hukuman ta'zir perlu digunakan dalam menangani isu ini. Mansur ibn Yunus al-Bahuti dalam *Al-Raud al-Murbi' bi Syarh Zad al-Mustaqni* (1996) menjelaskan bahawa ta'zir bermaksud mencegah, menolak dan mendidik. Ia merupakan satu bentuk hukuman yang fleksibel dan bergantung kepada budi bicara pemerintah dalam menjaga kemaslahatan umum. Dalam konteks LGBT, perbuatan ini termasuk dalam kategori kesalahan yang disebut dalam Al-Quran tetapi tiada hukuman spesifik dikenakan, justeru memerlukan pendekatan ta'zir sebagai langkah pemberantasan dan pendidikan.

Tujuan utama pelaksanaan hukuman ta'zir adalah untuk menjaga maqasid syariah, iaitu lima perkara utama dalam Islam: agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Hukuman ini bertujuan untuk mendidik pelaku supaya menyedari kesalahan yang dilakukan, memberi keadilan kepada mangsa serta mencegah keburukan daripada berleluasa dalam masyarakat. Menurut Ibnu Ashur (n.d), ta'zir bukan sekadar hukuman balas, tetapi berperanan sebagai mekanisme pendidikan dan pencegahan terhadap jenayah yang boleh mengganggu kestabilan sosial. Nuryasni Yazid (2011) juga menyatakan bahawa selain mencegah dan mengubah tingkah laku, ta'zir bertujuan mendidik masyarakat tentang sempadan halal dan haram yang digariskan dalam Islam. Oleh itu, pelaksanaan hukuman terhadap kesalahan LGBT melalui ta'zir bukanlah bertujuan membala dendam, tetapi untuk menjamin keadilan dan kesejahteraan awam dalam kerangka syariah.

### **Hukuman Alternatif**

Hukuman ta'zir dalam Islam merangkumi pelbagai bentuk, dan antara pendekatannya yang semakin mendapat perhatian adalah pelaksanaan hukuman alternatif. Hukuman alternatif merujuk kepada bentuk hukuman selain penjara, denda atau sebatan, yang bertujuan mendidik pelaku kesalahan dengan lebih berkesan, memulihkan perilaku mereka, dan pada masa yang sama mengurangkan beban sistem kehakiman serta institusi pemulihan. Antara bentuk hukuman alternatif yang lazim dicadangkan ialah kerja sosial seperti membersihkan kawasan awam, membantu di rumah kebajikan atau menjalankan aktiviti khidmat masyarakat di masjid serta menghadiri sesi kaunseling atau program pemulihan seperti latihan kemahiran hidup.

Menurut Siti Zubaidah Ismail, hukuman alternatif di Malaysia dianggap sebagai satu bentuk pelaksanaan hukuman yang menggantikan hukuman asal yang ditetapkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355]. Walaupun Akta 355 memperuntukkan hukuman maksimum RM5000 denda, tiga tahun penjara atau enam kali sebatan, pelaksanaan praktikalnya sering kali hanya melibatkan denda ringan. Keberkesanan bentuk hukuman ini dalam memberikan kesedaran dan pencegahan telah mula dipersoalkan. Oleh itu, ruang yang ada dalam peruntukan undang-undang membolehkan hakim mahkamah syariah mempertimbangkan hukuman alternatif sebagai pendekatan yang lebih mendidik dan membina.

Dalam konteks perlaksanaan di Mahkamah Syariah, terdapat dua bentuk utama hukuman alternatif yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah syariah negeri-negeri. Pertama, perintah atau bon berkelakuan baik yang boleh dikenakan ke atas pesalah muda dan pesalah kali pertama. Bagi pesalah muda yang berumur antara 11 hingga 15 tahun, Seksyen 2 dan Seksyen 128 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560] memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membebaskan mereka dengan teguran, bon berkelakuan baik, atau meletakkan syarat-syarat tertentu seperti mengikuti program di masjid, sesi kaunseling, atau khidmat masyarakat. Seksyen ini turut memperuntukkan bahawa ibu bapa atau penjaga boleh dikenakan denda sekiranya didapati cuai dalam mendidik anak-anak mereka. Sementara itu, bagi

pesalah kali pertama yang telah dijatuhkan hukuman penjara, Seksyen 129 Akta 560 memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membebaskan mereka bersyarat dengan bon kelakuan baik, dan jika syarat ini dilanggar, waran penahanan boleh dikeluarkan oleh mahkamah.

Bentuk kedua hukuman alternatif ialah pemulihan di pusat atau rumah pemulihan yang diluluskan. Kuasa untuk mendirikan institusi sedemikian berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri. Sebagai contoh, Seksyen 54 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] memberikan kuasa kepada Majlis untuk menetapkan mana-mana tempat sebagai pusat pemulihan yang diluluskan melalui perwartaan. Peruntukan yang hampir serupa juga boleh ditemui dalam undang-undang negeri seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu, dan Pahang. Walaupun peruntukan ini wujud, pelaksanaan hukuman alternatif melalui pusat pemulihan masih belum meluas dan kurang dimanfaatkan oleh pengamal undang-undang syariah.

Wacana berkenaan pelaksanaan hukuman alternatif telah mula mendapat momentum sejak beberapa tahun lalu. Antaranya ialah saranan oleh bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahmad Marzuk Shaary, yang menyarankan agar hukuman syariah ditingkatkan dan dipelbagaikan, khususnya terhadap isu sosial seperti LGBT. Beliau menggesa agar Mahkamah Syariah mempertimbangkan hukuman berbentuk mendidik dan khidmat masyarakat sebagai tambahan kepada hukuman tradisional. Hukuman alternatif bukan sahaja dapat mendidik pelaku kesalahan, bahkan memberi ruang kepada mereka untuk memperbaiki diri dan kembali kepada kehidupan bermasyarakat dengan lebih positif. Menurut Zainul Rijal Abu Bakar (2021), hukuman alternatif merupakan antara pendekatan terbaik untuk mendidik pesalah dan memastikan mereka tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Selain itu, pelaksanaan hukuman alternatif turut mendapat pengiktirafan dan sokongan antarabangsa. Misalnya, Kongres Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-6 pada tahun 1980 telah membincangkan secara khusus isu penyalahgunaan hukuman dan mengesyorkan pelaksanaan hukuman alternatif yang lebih manusiawi dan berorientasikan pemulihan. Di Malaysia, Mahkamah Sivil telah pun memperuntukkan bentuk hukuman alternatif ini. Seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah memberarkan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat sebagai ganti hukuman penjara atau denda bagi pesalah muda berusia antara 18 hingga 21 tahun. Hukuman ini dilihat memberi peluang kepada pesalah muda untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat dan membina semula jati diri mereka.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah perlu diperkasa agar seiring dengan matlamat pendidikan dan pemulihan dalam Islam. Perlu ada komitmen lebih tinggi daripada pihak berautoriti serta kesedaran dalam kalangan pengamal undang-undang agar potensi besar yang dimiliki oleh hukuman alternatif dapat dimanfaatkan secara optimum demi kesejahteraan masyarakat dan pencegahan jenayah yang lebih berkesan.

### **Peruntukan Undang-undang Syariah**

Peruntukan undang-undang syariah bagi kesalahan-kesalahan LGBT dapat dilihat mengikut enakmen negeri-negeri tersendiri. Setiap negeri mempunyai enakmen yang meletakkan kesalahan kepada golongan LGBT namun ianya tidak menyeluruh. Dibawah telah dikumpulkan data bagi peruntukan dan kesalahan yang terkait dengan gejala LGBT bagi setiap negeri.

Peruntukan	Kesalahan	Seksyen	Hukuman
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor)	Liwat	Seksyen 25	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat

			tidak lebih enam sebatan.
	Musahaqah	Seksyen 26	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Lelaki menyerupai wanita di tempat awam	Seksyen 28	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau penjara tidak lebih tiga puluh enam bulan
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991	Liwat	Seksyen 56	Hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara tidak lebih 3 tahun
	Percubaan Liwat	Seksyen 57	Hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara tidak lebih 3 tahun.
	Perhubungan Jenis Luar Tabii	Seksyen 58	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Musahaqah	Seksyen 59	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara tidak lebih 3 tahun.
	Lelaki berlagak seperti Perempuan	Seksyen 72	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi enam bulan.
	Liwat	Seksyen 63	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau penjara tidak melebihi dua tahun.
Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004	Musahaqah	Seksyen 64	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau penjara tidak melebihi

			dua tahun.
	Persetubuhan di luar tabii semulajadi	Seksyen 65	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 66	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih enam bulan.
Enakmen Jenayah Syariah 2013 (Pahang)	Hubungan sejenis antara sesama jantina	Seksyen 27	Denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun.
	Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii	Seksyen 28	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 30	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih enam bulan.
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	Liwat	Seksyen 25	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Musahaqah	Seksyen 26	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 28	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun.

Enakmen Jenayah Syariah 1992(Perak)	Musahaqah	Seksyen 53	Denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun.
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 55	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002	Liwat	Seksyen 15	Dihukuman sama seperti kesalahan zina iaitu direjam sehingga mati bagi pesalah yang sudah berkahwin dan disebat sebanyak seratus kali serta penjara selama satu tahun bagi pesalah yang belum berkahwin.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Musahaqah	Seksyen 30	Hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 33	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan.
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 (Kelantan)	Musahaqah	Seksyen 15	Denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Mengubah jantina	Seksyen 18	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun.
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 19	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara tidak lebih dua tahun.

	Perempuan berlagak seperti lelaki	Seksyen 20	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Liwat	Seksyen 23	Denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Musahaqah	Seksyen 24	Denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 26	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun.
Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis)	Menjadi pondan	Seksyen 7	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun.
	Liwat	Seksyen 13	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun.
	Musahaqah	Seksyen 14	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996	Liwat	Seksyen 25	Denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.
	Musahaqah	Seksyen 26	Denda yang tidak melebihi lima ribu, penjara tidak lebih tiga tahun, sebat tidak lebih enam sebatan.

	Lelaki berlagak seperti perempuan	Seksyen 28	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun.
	Perbuatan tidak sopan di tempat awam	Seksyen 29	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan.

Salah satu kes yang dapat dirujuk berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang telah diperuntukkan ialah kes *Muhammad Juzaili Mohd Khamis dan lain-lain melawan Government of Negeri Sembilan dan lain [2015]* melawan Government of Negeri Sembilan yang mana telah disabitkan dengan kesalahan dibawah seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 kerana berlagak seperti perempuan dan telah dicabar seksyen ini oleh responden dalam kes ini.

### Peruntukan Undang-undang Sivil

Bagi peruntukan undang-undang sivil juga ada yang memberi hukuman kepada gejala LGBT ini yang mana dapat kita lihat di dalam jadual dibawah.

Peruntukan	Kesalahan	Seksyen	Hukuman
Kanun Keseksaan	Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'e secara sukarela	Seksyen 377B	Penjara selama tempoh yang boleh sampai sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat
	Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'e tanpa kerelaan	Seksyen 377C	Penjara antara 5 tahun sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan
	Melanggar kesopanan dan melakukan kelucahan melampau	Seksyen 377D	Penjara sehingga 20 tahun.
Akta Perhimpunan 2012	Perhimpunan mengganggu sensitiviti budaya dan agama masyarakat awam.	Seksyen 15(2)(f)	Pihak berkuasa boleh menyekat perhimpunan.
Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992	Penganjuran Hiburan yang melanggar peruntukan.	Seksyen 4	Denda antara sepuluh ribu ringgit sehingga lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak lebih lima tahun.

Akta Kesalahan Kecil 1955	Berkelakukan tidak senonoh atau tidak terkawal di jalan terbuka atau tempat awam.	Seksyen 21	Denda sebanyak dua puluh lima ringgit dan penjara tidak melebihi empat belas hari bagi kesalahan kali pertama. Manakala bagi kesalahan yang berulang, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan.
Akta Hasutan 1948	Percubaan menghasut atau mencetak, menerbitkan, menjual dan mengimport penerbitan menghasut.	Seksyen 4(1)	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun bagi kesalahan pertama. Manakala bagi kesalahan yang kemudian perlu dipenjara selama satu tahun.
Akta Komunikasi dan Multimedia 1988	Seseorang yang dengan sengaja menggunakan perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi untuk menyebarkan kandungan luah bagi tujuan komersial, atau membenarkan orang lain untuk menggunakan perkhidmatan tersebut untuk tujuan yang sama	Seksyen 233(2)(a) dan Seksyen 233(3)	Denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun, serta perlulah juga didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit sekiranya kesalahan itu diulangi.

Salah satu kes yang dapat dirujuk berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang telah diperuntukkan ialah kes *Abd Rahim bin Abd Rahaman v Pendakwa Raya*[2011] 2 MLJ 28 yang mana telah disabitkan dengan 22 kesalahan liwat di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan. Tertuduh telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan tetapi mahkamah masih kekal dengan keputusan tertuduh sebagai bersalah dibawah seksyen 377B Kanun Keseksaan. Selain itu kes *Pendakwa Raya v Saiful Affendi bin Zairulliza* [2019] MLJU 882, responden telah dituduh atas kesalahan di bawah seksyen 377C dan 377E Kanun Keseksaan namun didapati bersalah hanya di bawah seksyen 377C bagi kesalahan perhubungan seks luar tabii tanpa kerelaan kerana telah dibuktikan secara prima facie oleh pihak pendakwaan.

## **Kepentingan Hukuman Alternatif dalam Hukuman Mahkamah Syariah**

Dari segi perundangan, hukuman yang dikenakan terhadap golongan LGBT di bawah jenayah syariah dilihat tidak memberikan kesan yang diharapkan. Hal ini disebabkan oleh bentuk hukuman yang terlalu ringan dan kurang memberi impak, khususnya kepada pesalah yang berkemampuan. Sebagai contoh, individu kaya yang melakukan kesalahan menyerupai wanita mungkin tidak berasa terkesan dengan hukuman denda kerana mereka mampu membayarnya tanpa sebarang kesulitan. Ini bercanggah dengan tujuan sebenar sesuatu hukuman, iaitu bukan hanya untuk menghukum, tetapi juga untuk mendidik pesalah dan memberi pengajaran kepada masyarakat. Apabila hukuman gagal memberi kesan, pesalah mungkin mengulangi perbuatannya kerana tiada rasa gentar atau kesedaran terhadap kesalahan yang dilakukan. Di bawah Akta 355, hukuman bagi kesalahan jenayah syariah seperti ini terhad kepada denda maksimum RM5,000.00, penjara maksimum tiga tahun, atau enam kali sebatan, yang mana ruang penghukumannya amat terbatas.

Oleh kerana hukuman yang sedia ada tidak cukup berkesan untuk membendung kesalahan LGBT daripada terus berleluasa, sudah tiba masanya kita meneroka pendekatan alternatif yang mampu memberikan impak lebih mendalam dan menyeluruh. Pendekatan ini seharusnya tidak hanya bersifat menghukum, tetapi juga mendidik dan membantu pesalah berubah ke arah yang lebih baik. Banyak penulisan akademik telah mengangkat keperluan untuk memperbaiki dan memperkuuh sistem penghukuman dalam Mahkamah Syariah. Antara penulisan tersebut termasuklah “Kesalahan Transeksual Dan Transgender: Analisis Dari Perspektif Perundangan Jenayah Syariah Malaysia” (Muhammad Muqrис, 2022) dan “Pelaksanaan Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan kepada Pemantapan Peruntukan Perundangan dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-negeri” (Hasnizam Hashim & Jasri Jamal, 2017). Penulisan-penulisan ini secara tuntas menyentuh tentang perlunya reformasi dalam sistem penghukuman syariah agar lebih bersifat membina dan relevan dengan cabaran semasa.

Melihat kepada realiti perundangan semasa, sudah tiba masanya Mahkamah Syariah mengambil langkah proaktif dalam memperkenalkan dan memperluaskan pelaksanaan hukuman alternatif, khususnya terhadap kesalahan melibatkan golongan LGBT. Kelemahan hukuman yang terlalu ringan bukan sahaja melemahkan mesej pencegahan, malah membuka ruang kepada pengulangan kesalahan. Hukuman alternatif seperti kaunseling, pemulihan berstruktur, latihan kerohanian dan khidmat masyarakat dilihat lebih berupaya mendidik serta membentuk semula identiti dan tingkah laku pesalah ke arah kehidupan yang lebih positif. Perkara ini telah dibincangkan oleh beberapa sarjana yang mencadangkan perlunya pembaharuan dalam pendekatan penghukuman di Mahkamah Syariah. Justeru, pelaksanaan hukuman alternatif bukan sahaja wajar dipertimbangkan sebagai pelengkap kepada sistem sedia ada, malah harus diinstitusikan secara serius sebagai langkah ke hadapan dalam menangani isu-isu sosial kontemporari dengan pendekatan yang lebih berkesan dan berperikemanusiaan.

Walaupun Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa tersendiri, pelaksanaan hukuman alternatif dalam Mahkamah Sivil boleh dijadikan inspirasi dalam mencari pendekatan yang lebih membina dan efektif. Dalam kesalahan tertentu, Mahkamah Sivil telah membuktikan bahawa pendekatan berbentuk pemulihan mampu memberikan impak yang lebih baik daripada sekadar hukuman konvensional. Oleh itu, adalah wajar bagi Mahkamah Syariah memanfaatkan ruang yang tersedia dalam peruntukan undang-undangnya untuk mengaplikasikan hukuman alternatif secara lebih meluas dan sistematik, selari dengan matlamat syariah yang menekankan unsur pendidikan, pencegahan dan pemulihan.

## **PENUTUP**

Pentingnya pengaplikasian hukuman berbentuk alternatif dalam ingin menghukum pesalah-pesalah LGBT di Mahkamah Syariah. Hukuman asal seperti penjara, denda dan sebatan dirasakan kurang implikasinya dalam mendidik dan mengubah tingkah laku pelaku. Oleh itu, terdapat keperluan segera yang mendesak untuk diterapkan hukuman alternatif yang lebih mendidik dan memberikan

kesan jangka panjang yang positif. Hukuman alternatif yang wujud di dalam Mahkamah Sivil dan juga pengalaman dari negara lain seperti Indonesia yang telah mulai menerapkan hukuman alternatif untuk kesalahan tertentu, dapat diambil sebagai rujukan. Ini dapat membantu dalam merancang strategi yang lebih baik untuk diaplikasikan di Mahkamah Syariah Malaysia.

Cadangannya, hukuman alternatif yang sedia ada di dalam mahkamah syariah perlu diaplikasikan secara lebih aktif dalam kes-kes LGBT yang dibawah ke mahkamah supaya mereka mendapatkan hukuman yang boleh memberi kesan yang dapat mendidik dan berkesan secara mendalam. Dengan cara ini, mereka akan menerima hukuman yang bukan sahaja bertujuan untuk menghukum tetapi juga mempunyai kesan pendidikan yang ketara. Penggunaan pendekatan yang lebih menumpukan pada pemulihan dan rehabilitasi boleh membantu dalam mengubah tingkah laku pelaku secara positif.

Mahkamah Syariah Malaysia harus mempertimbangkan hukuman alternatif dengan lebih serius. Untuk merancang dan melaksanakan program yang berkesan, pelbagai pihak, termasuk pekerja sosial, kaunselor dan pakar pendidikan, perlu bekerjasama. Pendekatan yang lebih holistik dan berpusat pada pemulihan boleh membantu pesalah LGBT membuat perubahan positif dalam hidup mereka, dan pada masa yang sama, masyarakat boleh melihat kesan jangka panjang yang lebih baik daripada hukuman yang dilaksanakan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan untuk Geran Kompetitif Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UU-2024-018) kerana menyumbang dana dalam penyelidikan ini.

## RUJUKAN

### Akta

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 (Akta 588)
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis)
- Enakmen Jenayah Syariah 1992 (Perak)
- Enakmen Jenayah Syariah 2013 (Pahang)
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001

### Buku

- Ibnu Ashur, Maqasid, h.78
- Mansur ibn Yunus al-Bahuti. (1996). *Al-Raud al-Murbi' bi syarh Zad al-Mustaqni*. Beirut: Dar al- Kitab al-Arabi.

### Jurnal

- Aqilah Junaidi, SIti Aisyah Samudin. (2022). Penetapan Hukuman Bagi Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis Perbandingan Mengikut Undang-Undang dan Fiqh. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 324-346.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap, Norfatihah Amlin Ab Ghani (2020). Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Menurut Perspektif Undang-Undang Syariah Dan Undang-Undang Sivil Di Malaysia: Suatu Perbandingan. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 8(1), 31-45.

- Hasnizam Hashim, & Jasri Jamal. (2017). Pelaksanaan Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Pemantapan Peruntukan Perundangan Dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-Negeri. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 1, 1-15.
- Jody Imam Rafsanjani, Rizki Bagus Prasetio, Zaihan Harmaen Anggayudha Badan Riset dan Inovasi Nasional, Jakarta Selatan, Indonesia (2023). The Existence of Community Service Punishment in a Progressive Legal Perspective. *Jurnal Penelitian Hukum De Jure*, 23(2), 219-230.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya. (2021). Position of Fatwa in the Constitution: A Legal Analysis. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29(4), 2171-2188.
- Muhammad Muqrис Alif Zariasdi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Nur Azila Zaherman, Mohamad Azhan Yahya (2022). Kesalahan Transeksual Dan Transgender: Analisis Dari Perspektif Perundangan Jenayah Syariah Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 33-52.
- Nadia Utami Larasati, Fahlesa Munabari, Untung Sumarwan. (2022). Prison Overcrowding: Alternative Sentencing in Indonesia's Draft Criminal Code and Its Consequences on Correctional System. *Udayana Journal of Law and Culture*, 6(1), 42-61.
- Siti Solehah Mat Aleh , Noor Hafizah Mohd Haridi , Suriani Sudi , Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2020). Program Dakwah Bahagian Pemulihan Al-RIqab,MAIS Terhadap Komuniti LGBT: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Edition), 136-148.

## **Internet**

- Anon, '287 kes seks luar tabii direkodkan di antara 2019 hingga November 2021', MSTAR, 15 Disember 2021, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/12/15/287-kes-seks-luar-tabii-direkodkan-di-antara-2019-hingga-november-2021>
- Anon, 'Kes seksual di Kelantan meningkat', Berita Harian, 31 Januari 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1207200/kes-seksual-di-kelantan-meningkat>
- Joy Appukuttan (2020). Community Service: The Alternative Form of Sentencing, 23 April. MahWengKwai & Associates. Retrieved from <https://mahwengkwai.com/community-service-the-alternative-form-of-sentencing/> [diakses pada 25 June 2024]
- Samadi Ahmad. 2021. Mesyuarat Khas Tangani ISU LGBT . Berita Harian, 24 June. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/831799/mesyuarat-khas-tangani-isu-lgbt> [diakses pada 25 June 2024]
- Zainul Rijal Abu Bakar. 2021. Timbang hukuman yang mendidik. Sinar Harian, 31 January. <https://www.sinarharian.com.my/article/121637/timbang-hukuman-yang-mendidik> [diakses pada 25 June 2024]

## **Kes**

- Abd Rahim bin Abd Rahaman v Pendakwa Raya[2011] 2 MLJ 28  
 Muhammad Juzaili Mohd Khamis dan lain-lain melawan Government of Negeri Sembilan dan lain [2015]  
 Pendakwa Raya v Saiful Affandy bin Zairulliza [2019] MLJU 882

## **Thesis**

- Nuryasni Yazid. (2011). *Hukuman Ta'zir Dalam Pemikiran Umar Bin Khattab*. PhD Thesis, Universitas Islam Negeri sultan Syarif Kasim Riau.

## **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*